



**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA**

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 20 TAHUN 2009

BAYARAN INSENTIF PEGAWAI KESIHATAN AWAM

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk melaksanakan keputusan Kerajaan menaikkan kadar Bayaran Insentif Pegawai Kesihatan Awam (BIPKA).

TAFSIRAN

2. **Pegawai Kesihatan Awam** ertinya seorang Pegawai Perubatan/ Pegawai Pergigian/ Pensyarah Perubatan/ Pensyarah Pergigian yang **diwartakan** oleh Kementerian Kesihatan Malaysia/ **diiktiraf** oleh Jawatankuasa Khas agensi selain daripada Kementerian Kesihatan Malaysia, bagi melaksanakan tugas kawalan kesihatan.

LATAR BELAKANG

3. BIPKA adalah dibayar kepada Pegawai Kesihatan Awam yang telah memperolehi kelulusan lepasan ijazah dalam bidang Diploma Kesihatan Awam (DPH) atau Sarjana Kesihatan Awam (MPH) atau kelulusan-kelulusan lain yang setaraf dengan DPH/MPH. BIPKA dibayar berdasarkan syarat kelayakan yang ditetapkan mengikut Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 1993 dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1994. Kadar Bayaran Insentif Pegawai Kesihatan Awam yang sedang berkuat kuasa adalah sebagaimana yang ditetapkan mengikut Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2003.

PELAKSANAAN

4. Kadar baru BIPKA adalah seperti berikut:

KOD/ GRED (U, UD, DU, DUG)	BIPKA (RM Sebulan)	
	Kadar Semasa	Kadar Baru
Utama/ Khas C dan ke atas	1,920.00	2,480.00
53 dan 54	1,760.00	2,240.00
51 dan 52	1,440.00	2,000.00
47 dan 48	1,360.00	1,760.00
45	1,200.00	1,600.00
43 dan 44	1,120.00	1,520.00
41	1,040.00	1,280.00

SYARAT-SYARAT PEMBAYARAN

5. Syarat-syarat pembayaran BIPKA adalah seperti berikut:

5.1 Pegawai memiliki kelulusan lepasan ijazah dalam bidang Kesihatan Awam yang diiktiraf oleh Kerajaan seperti senarai yang dikeluarkan

oleh Unit Pengiktirafan Kelayakan, Bahagian Pembangunan Modal Insan, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia dari semasa ke semasa;

- 5.2 Pegawai Perubatan/ Pegawai Pergigian yang tidak memiliki kelulusan lepasan ijazah yang diiktiraf di dalam bidang Kesihatan Awam tetapi diwartakan sebagai **Pegawai Kesihatan Awam** dan bertugas dalam jawatan bidang Kesihatan Awam layak dibayar BIPKA atas kadar RM250.00 sebulan;
- 5.3 BIPKA boleh terus dibayar apabila seseorang pegawai bercuti bergaji penuh. Jika pegawai bercuti separuh gaji, maka pegawai hanya layak dibayar separuh daripada kadar BIPKA yang ditetapkan. Selanjutnya, jika pegawai bercuti tanpa gaji, maka BIPKA tidak layak dibayar;
- 5.4 Pegawai yang ditahan kerja oleh Pihak Berkuasa Tatatertib dan dibenarkan menerima separuh atau sebahagian daripada gaji bulanannya, akan dibayar separuh atau sebahagian daripada kadar BIPKA yang dilayaki mengikut peratusan yang sama dengan pengiraan gaji bulanannya, sebagaimana diputuskan oleh Pihak Berkuasa Tatatertib; dan
- 5.5 Sekiranya pegawai dikenakan hukuman tatatertib supaya turun pangkat maka pegawai hanya layak dibayar BIPKA mengikut kadar bayaran bagi pangkat yang diterima selepas diturunkan pangkat itu.

PEMBATALAN

6. Dengan berkuatkuasanya Pekeliling Perkhidmatan ini, syarat-syarat pembayaran dan kadar BIPKA seperti dalam Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2003, Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1994,

Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 1993 serta perenggan 3 dan 4, Lampiran C8, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002 adalah **dibatalkan**.

TARIKH KUAT KUASA

7. Pekeliling Perkhidmatan ini mula berkuat kuasa pada **1 Ogos 2009**.

PEMAKAIAN

8. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(TAN SRI ISMAIL ADAM)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA

9 Oktober 2009

Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran
Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan